# Politeknik pupuk budaya keusahawanan

BH
10 OKTOBER 2017

## RM500,000 kutipan jualan disasar menerusi Siswapreneur Megasale 2017

**Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin**
khairul.anam@bh.com.my

**Putrajaya**

Penganjuran Siswapreneur Megasale 2017 yang diadakan serentak di semua 33 politeknik di seluruh negara hari ini, menyasarkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM500,000.

Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Mohd Nor Mazlan Ismail, berkata program julung kali diadakan itu bertujuan mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar, di samping meningkatkan jalinan kerjasama pintar dengan agensi kerajaan dan swasta berkaitan.

Beliau berkata program bertemakan 'Perniagaan Adalah Integriti' itu mampu menggalakkan padanan perniagaan antara pelajar dengan usahawan tempatan menerusi penghasilan produk, promosi dan pemasaran produk jualan yang dijalankan.

Katanya, pelajar mesti merekodkan setiap hasil jualan diperoleh ke dalam sistem aplikasi 'e-counting' yang dibangunkan dan perlu disertakan dengan bukti seperti resit jualan serta kupon.

"Platform ini dapat memanfaatkan pelajar terutama bagi menjana pendapatan sampingan dan secara tidak langsung menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi setempat.

"Menariknya, pelajar dapat melihat sendiri jumlah kutipan jualan mereka dari semasa ke semasa menerusi aplikasi ini yang akan dipaparkan secara langsung pada layar besar di setiap kampus politeknik seluruh Malaysia.

### Peruntukan program pembangunan keusahawanan

"Kami bertuah kerana program ini mendapat sokongan penuh daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan semua pengarah kampus negeri," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Mohd Nor Mazlan berkata, politeknik yang berjaya mendapatkan kutipan jualan tertinggi akan dihadiahkan anugerah peruntukan program pembangunan keusahawanan berdasarkan tiga kategori utama merangkumi faktor jumlah pelajar pada setiap kampus.

"Hadiah akan diberikan mengikut kategori A, B dan C iaitu pemenang utama kategori A berpeluang menerima peruntukan program pembangunan keusahawanan bernilai RM30,000, manakala kategori B dan C masing-masing RM20,0000 dan RM15,000.

"Proses pengauditan secara menyeluruh akan dilakukan kemudian untuk memastikan setiap nilai jualan yang diisytiharkan betul dan mengikut kriteria serta peraturan ditetapkan," katanya.

Pelancaran pembukaan program selama 12 jam tanpa henti itu akan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abdul Aziz di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam jam 10 pagi ini.

Acara penutupan akan dilakukan oleh Pengerusi Focus Group, Pembangunan Usahawan, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Datuk Dr Sr Muhamad Farid Saad di Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang jam 10 malam ini.



> Kami mahu lahirkan lebih ramai usahawan baharu dalam kalangan siswa yang berkemahiran dan berintegriti tinggi"

***Mohd Nor Mazlan Ismail,***
*Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, KPT*




POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
• SELASA • 10 OKTOBER 2017
• 10 PAGI - 10 MALAM

PENAJA BERSAMA